

**SAIZ KOSA KATA BAHASA ARAB DAN HUBUNGANNYA DENGAN
TEMPOH PEMBELAJARAN BAHASA DALAM KALANGAN BUKAN
PENUTUR JATI**
**ARABIC VOCABULARY SIZE AND ITS RELATIONSHIP WITH LANGUAGE
LEARNING PERIOD AMONG NON-NATIVE SPEAKERS**

Abdul Razif Zaini 1*, Rosfazila Abd. Rahman 2², Yaakob Hasan 3³*

¹ Pengarah, Pusat Pendidikan ICESCO di Malaysia, abdulrazif@kuis.edu.my.

² Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teras KUIS, rosfazila@kuis.edu.my.

³ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, yaakob@kuis.edu.my.

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 7 Okt. 2020

| Selepas Pembetulan: 14 Okt. 2020

| Diterima untuk terbit: 23 Nov. 2020

Abstrak

Saiz kosa kata merupakan elemen penting dalam penguasaan bahasa, khususnya bagi pembelajaran bahasa kedua. Saiz kata menjadi indikator penting dalam menentukan keupayaan seseorang berbahasa dan dikenalpasti mempunyai hubungan dengan faktor tempoh pembelajaran bahasa. Domain perbezaan individu dalam pembelajaran bahasa kedua menunjukkan bahawa faktor tempoh mampu meningkatkan kecekapan bahasa pelajar khususnya aspek kata. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara saiz kosa kata dengan faktor tempoh pembelajaran bahasa. Kajian juga bermatlamat menentukan tempoh terbaik bagi mempelajari dan menguasai kosa kata bahasa Arab. Rekabentuk kajian adalah kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 227 pelajar lepasan sekolah menengah agama aliran kerajaan dan negeri. SPSS V.20 digunakan bagi pengumpulan data dan Ujian Korelasi Spearman rho digunakan bagi menguji hubungan antara saiz kosa kata dengan tempoh pembelajaran bahasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa SKK pelajar berkorelasi secara signifikan dengan tempoh belajar bahasa Arab. Ujian Korelasi Spearman rho yang ditadbir menunjukkan nilai $r=0.193$, $n=227$, $p=0.004$. Hubungan antara saiz kosa kata pelajar dan tempoh pembelajaran bahasa berada pada tahap lemah namun terarah secara positif. Arah positif dalam dapatan kajian memberikan petunjuk bahawa semakin lama tempoh pembelajaran bahasa Arab maka semakin besar saiz kosa kata bahasa Arab pelajar. Secara kesimpulannya, kajian menjelaskan bahawa tempoh pembelajaran bahasa mempunyai hubungan dengan saiz kata namun, ia bukan satu-satunya faktor yang mempengaruhi. Ia turut berkait rapat dengan beberapa faktor-faktor perbezaan individu yang lain seperti jenis sekolah di peringkat menengah, sijil lepas menengah diduduki dan keberadaan di negara Arab. Kajian akan datang disaran untuk memberikan tumpuan kepada aspek yang tidak dapat disentuh oleh kajian ini seperti dijelaskan sebelumnya.

Kata kunci

Kosa Kata Arab, Saiz Kosa Kata, Tempoh Pembelajaran Bahasa, Pembelajaran Bahasa Kedua

Abstract

Vocabulary size is an important element in language proficiency, especially for second language learning. Vocabulary size is an important indicator in determining a person's ability to speak and is identified as having a relationship with the language learning period factor. The domain of individual differences in second language learning indicates that the period factor is able to improve students language proficiency especially word aspects. Thus, this study was conducted to identify the relationship between vocabulary size and language learning duration factors. The study also aims to determine the best period for learning and mastering Arabic vocabulary. The design of the study is quantitative. The study sample consisted of 227 graduates of government and state religious high school. SPSS V.20 was used for data analysis and the Spearman rho Correlation Test was used to test the relationship between vocabulary size and language learning period. The findings of the study show that the SKK of students is significantly correlated with the period of learning Arabic. The administered Spearman rho Correlation Test showed values of $r = 0.193$, $n = 227$, $p = 0.004$. The relationship between student vocabulary size and language learning period is at a weak level but positively directed. The positive direction in the findings of the study indicates that the longer the period of learning Arabic, the greater the size of students' Arabic vocabulary. In conclusion, the study explains that the period of language learning is related to vocabulary size of students it is not the only factor. Vocabulary size is also closely related to several other individual differences factors such as the type of school at the secondary level, the post-secondary certificate occupied and the presence in the Arab countries. Upcoming studies are advised to focus on the untouchable aspects of this study as explained earlier.

Keywords

Arabic Vocabulary, Arabic Vocabulary Size, Language Learning Period, Learning Second Language

1.0 Pendahuluan

Kajian berkaitan perbezaan individu dalam pembelajaran bahasa kedua menunjukkan bahawa faktor usia mempengaruhi pembelajaran bahasa tersebut (MacIntyre et al, 2003, Singleton, 2001; Long, 1990) khususnya di peringkat sekolah (Collier, 1988). Namun kajian yang menghubungkan di antara faktor usia dan pemerolehan kosa kata dalam pembelajaran bahasa kedua tidak banyak mendapat liputan (Pujol, 2008).

Faktor usia dalam kajian pembelajaran bahasa kedua merupakan isu penting yang perlu diberikan tumpuan dan ia dikaitkan dengan faktor tempoh. Perbincangan tentang topik ini seringkali membawa kita kepada persoalan siapakah lebih baik dalam pembelajaran bahasa “kanak-kanak atau dewasa?” dan “berapa lamakah tempoh pembelajaran yang diperlukan bagi penguasaan bahasa kedua/asing?”. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa peranan yang dimainkan oleh faktor ini dalam pemerolehan bahasa kedua dilihat menerusi dua perspektif iaitu permulaan pembelajaran bahasa (*age on set* – AO) dan tempoh yang diperlukan untuk pembelajaran sesuatu bahasa (*duration*) (Pujol, 2008).

2.0 Permasalahan Kajian

Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia berhadapan masalah penguasaan. Penuntut bahasa Arab di pelbagai peringkat samada sekolah, pra universiti dan pelajar institusi pengajian tinggi berhadapan dengan kemelut ini. Pelajar jurusan pengajian Islam dan bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi dikatakan tidak mencapai tahap kecekapan umum bahasa bagi membolehkan mereka melalui situasi pendidikan tinggi (Abdul Razif, Noor Shamshinar, Hasmadi, Mohd Redzudin & Mohd. Rufian, 2019).

Tinjauan yang dibuat menunjukkan bahawa kelemahan ini berpunca dari kekurangan kosa kata pelajar. Pelajar dilapor tidak mempunyai kosa kata yang mencukupi sekaligus menghadkan keupayaan mereka dalam penguasaan. Justeru kajian ini dijalankan bagi melihat adakah faktor usia mempunyai hubungan dengan saiz kosa kata pelajar dan bilakah usia terbaik bagi pelajar untuk memulakan pembelajaran bahasa keduanya secara efektif.

Kajian-kajian yang dijalankan mendapati bahawa pembelajaran bahasa kedua mahupun asing sangat bergantung pada faktor usia (Collier, 1988; Singleton, 1989). Kanak-kanak sering dianggap lebih berjaya dalam pemerolehan bahasa (Lightbown & Spada, 2011; Ellis, 1994) dan semakin awal seseorang itu memulakan pembelajaran bahasa keduanya maka semakin banyak masa yang dimiliki untuk membangun kosa katanya (Blazer & Romanik, 2007) dan semakin baik pencapaiannya dalam bahasa tersebut (Scovel, 2000 dalam Pujol, 2008). Namun satu persoalan yang timbul, bilakah permulaan pembelajaran bahasa kedua sebaik-baiknya dimulakan dan berapakah tempoh pembelajaran bahasa Arab yang ideal?

3.0 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan dua objektif. Kajian dijalankan bagi mengenal pasti hubungan antara saiz kosa kata dengan faktor tempoh pembelajaran bahasa. Kajian juga bermatlamat menentukan tempoh pembelajaran bahasa efektif bagi menguasai kosa kata dan kemahiran berbahasa.

4.0 Sorotan Literatur

Sememangnya sukar untuk ditentukan dengan tepat pada usia berapa kanak-kanak mempunyai keupayaan yang optimum bagi penguasaan kata mahupun bahasa. Bagi memudahkan perbincangan ini dilakukan, usia kanak-kanak perlu terlebih dahulu dikategorikan julatnya. Beberapa pembahagian dilakukan oleh sarjana untuk tujuan itu, antaranya membahagikan usia mereka kepada tiga kelompok dari sudut pecahan usia iaitu pelajar muda (empat hingga tujuh), pelajar awal remaja (lapan hingga 12 tahun) dan pelajar remaja (13 – 16 tahun) seperti jadual di bawah.

Jadual 1: Kategori Usia Dan Pembelajaran Bahasa Kedua yang Efektif

Kategori Kajian	Pelajar Muda (empat hingga tujuh tahun)	Pelajar Awal Remaja (lapan hingga 12 tahun)	Pelajar Remaja (13 hingga 16 tahun)
Ervin-Tripp, 1974	-	Cekap aspek kefahaman, peniruan/ajukan & sintaksis.	
Fathman, 1975	-	Cekap aspek sebutan, morfologi & sintaksis	
Collier, 1988	Golongan ini perlukan masa yang panjang untuk mempelajari bahasa	Efisien dalam pembelajaran bahasa kedua.	
Singleton, 1989	lebih menguasai bahasa, pelajar yang sempurna bahasa ibunda dalam situasi terbaik	-	
Barnett & Lamy, 2006	mempunyai kesan dalam perkembangan kosa kata		
Pujol, 2008	-	Pelajar awal remaja dan remaja menguasai aspek sintaksis dan morfologi lebih cepat daripada pelajar muda	

Sebahagian sarjana berpendapat bahawa kelompok pelajar muda (empat hingga tujuh tahun) dilaporkan lebih cepat untuk menguasai bahasa berbanding pelajar awal remaja, remaja mahupun dewasa (Singleton, 1989). Pelajar yang telah memiliki kemahiran yang sempurna dalam bahasa ibunda mereka berada pada situasi terbaik untuk mempelajari sesuatu bahasa yang baharu (Murphy, t.t). Menurut Pujol (2008), kanak-kanak yang memulakan pembelajaran bahasa awal mampu mengatasi pencapaian pelajar dewasa disebabkan oleh sistem linguistik semulajadi mereka. Mereka juga dilihat lebih berjaya melakukan tugas dalam pembelajaran bahasa kerana mereka lebih bermotivasi dan kurang tekanan serta hambatan. Menurut Kauffman (2019) peringkat awal pembelajaran bahasa adalah membekal sebanyak mungkin kata-kata asas. Usia ini adalah permulaan yang baik.

Barnett dan Lamy (2006) pula mendapati bahawa pelajar yang mengikuti pendidikan awal di peringkat pra sekolah selama satu hingga dua tahun mempunyai kesan dalam perkembangan kosa kata mereka berbanding pelajar yang tidak melalui sistem tersebut.

Permulaan awal ini sangat membantu mereka dalam menguasai kosa kata yang luas, bertutur secara semulajadi dan mampu mengasimilasi perkataan dan sebutan tanpa sebarang kesukaran. Burstall et al (1974) menjelaskan bahawa pembelajaran bahasa di usia awal memberi sedikit kelebihan kepada kanak-kanak. Namun, peringkat awal remaja (sekitar lapan hingga 12 tahun) mempunyai keupayaan mempelajari bahasa kedua secara efisien (Tellier, 2019). Stolarova, Briemann, Wolf, Rinker, Brke & Baayen (2016) pula berpendapat pembangunan kosa kata awal dipengaruhi oleh faktor

persekitaran justeru, pengaruh guru pada pelajar dalam pengajaran kata diperingkat awal perlu dimanfaatkan.

Senario ini dilihat mempunyai hubungan langsung dengan terma tempoh kritikal (*critical period*) yang menjadi perbincangan hangat dalam pemerolehan bahasa pertama. Tempoh kritikal merupakan terma biologi yang merujuk kepada satu fasa terhad dalam perkembangan otak manusia di mana sesuatu kecekapan atau kemahiran mampu mereka kuasai dengan mudah (Singleton, 1989). Tempoh kritikal ini dikatakan bermula sekitar umur dua atau tiga tahun dan berakhir pada usia awal remaja iaitu apabila seseorang itu mencapai usia akil baligh (Lenneberg, 1967 dalam Singleton, 1989). Lenneberg berpendapat bahawa selepas tamat tempoh tersebut, keanjalan otak manusia semakin berkurangan sekaligus menjadikan pembelajaran bahasa semakin sukar (Collier, 1988).

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa pelajar awal remaja mempunyai kecekapan dan kepantasan dalam pembelajaran bahasa kedua (Pujol, 2008, Collier, 1988; Fathman, 1975; Ervin-Tripp, 1974). Jadual di atas menunjukkan kategori usia awal remaja dilaporkan sebagai tempoh sangat efektif dan sesuai sebagai permulaan bagi pembelajaran bahasa kedua.

Berdasarkan jadual di atas, empat pengkaji bersependapat mengatakan bahawa pelajar awal remaja yang berumur sekitar 8 hingga 12 tahun mempunyai keupayaan dan kecekapan menguasai bahasa kedua secara umumnya dan aspek sebutan, morfologi dan sintaksis secara khususnya (Pujol, 2008; Collier, 1988; Fathman, 1975; Ervin-Tripp, 1974).

Ervin-Tripp (1974) mendapati pelajar awal remaja bukan sahaja mempunyai tahap penguasaan yang lebih baik malah tempoh lebih cepat mempelajari bahasa dikenalpasti berbanding pelajar muda. Kajian beliau yang dijalankan ke atas pelajar bahasa Perancis mendapati pelajar awal remaja berumur tujuh hingga sembilan tahun mempunyai prestasi yang lebih baik dari aspek kefahaman, peniruan dan perbualan berbanding pelajar yang berumur antara empat hingga enam tahun setelah masing-masing melepasi tempoh pembelajaran selama sembilan bulan.

Fathman (1975 dalam Collier, 1988) juga bersependapat dalam hal ini. Kajian beliau mendapati bahawa pelajar awal remaja antara usia 11 hingga 15 tahun memiliki kecekapan yang lebih baik dalam aspek sebutan, morfologi dan sintaksis berbanding pelajar muda yang berusia di antara enam hingga sepuluh tahun selepas masing-masing mengikuti pembelajaran dalam tahun pertama.

Menurut Collier (1988), dalam konteks pembelajaran bahasa kedua, golongan pendidik perlu mengambilkira perbezaan yang wujud dan keupayaan yang dimiliki oleh ketiga-tiga kelompok terbabit. Menurut beliau lagi, bagi tujuan akademik, pelajar seharusnya menguasai keseluruhan kemahiran dalam bahasa kedua sebaik mungkin dan tidak seharusnya tertumpu kepada aspek sebutan semata-mata.

Pelajar awal remaja (lapan hingga 12 tahun) adalah pelajar bahasa yang efisien dan lebih cepat menguasai pembelajaran bahasa di sekolah berbanding pelajar muda (empat hingga tujuh tahun). Pelajar yang memulakan proses pembelajaran bahasa kedua pada usia empat hingga tujuh tahun memerlukan masa yang agak panjang

untuk menguasai kemahiran-kemahiran yang diperlukan bagi tujuan akademik berbanding pelajar yang memulakannya pada peringkat awal remaja (Collier, 1988).

Menurut Collier (1988) lagi, perkara ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor antaranya masa mula pembelajaran. Pelajar yang memasuki alam persekolahan dan mempelajari bahasa baharu semasa usia mereka 5 atau 6 tahun sebenarnya belum melengkapkan penguasaan mereka terhadap bahasa ibunda. Dan apabila mereka diminta untuk mempelajari bahasa kedua sebelum kematangan bahasa ibundanya, pembelajaran bahasa kedua menjadi satu bebanan buat mereka. Dan pada pandangan Collier (1988) pelajar awal remaja (8 – 12 tahun) mempunyai kelebihan dalam hal ini. Kesimpulannya, permulaan pembelajaran bahasa kedua atau asing yang baik berlaku ketika pelajar telah melengkapkan penguasaan bahasa ibundanya.

Faktor tempoh pembelajaran bahasa turut memainkan peranan penting dalam proses penguasaan bahasa. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, pemilihan sekolah merupakan salah satu faktor yang memberi kesan kepada tempoh pembelajaran bahasa Arab.

Agak sukar untuk kita menentukan tempoh dan jangkamasa yang efektif untuk mempelajarinya. Walau bagaimanapun beberapa kajian yang dijalankan mungkin boleh dijadikan panduan untuk menentukan suatu tempoh yang munasabah bagi mempelajari dan menguasai bahasa kedua.

Data yang diperolehi daripada kajian Collier (1995) menunjukkan bahawa golongan penutur bukan jati yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Amerika Syarikat dan tidak pernah mengikuti pendidikan formal dalam bahasa ibundanya memerlukan 7 hingga 10 tahun untuk mencapai tahap dan keupayaan penutur jati. Manakala bagi golongan bukan penutur jati yang pernah bersekolah secara formal dalam aliran bahasa ibundanya sekitar dua hingga tiga tahun, mereka hanya memerlukan tempoh lima hingga tujuh tahun untuk mencapai tahap dan keupayaan penutur jati.

Bagi pelajar yang mempelajari bahasa kedua bukan dalam persekitaran bahasa tersebut, tahun pembelajaran mungkin sukar dianggap sebagai tempoh sebenar. Dengan kata lain, sekiranya seseorang pelajar itu mempelajari bahasa Arab selama lima tahun di peringkat sekolah menengah dengan peruntukan masa 210 minit seminggu beliau hanya telah menyempurnakan pembelajaran sekitar 700 jam sepanjang tempoh tersebut kerana pembelajarannya hanya tertumpu dalam darjah sahaja. Menurut Kaufmann (2019), pembelajaran bahasa Arab (sebagai bahasa kedua/asing) berada dalam kumpulan empat bersama bahasa China, Korea dan Jepun. Berdasarkan piawaian *Foreign Language Institute* (FSI), kumpulan ini memerlukan tempoh paling panjang berbanding pembelajaran bahasa-bahasa lain dengan sekurang-kurangnya 2200 jam diperlukan bagi penguasaan bahasa minimum.

5.0 Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan bagi menentukan kaitan di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah dalam kajian dan digunakan untuk membuat ramalan pada keputusan kajian (Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof Boon & Abdul Rahim. 2007). Kajian bertujuan mengenalpasti hubungan antara saiz kosa kata dengan faktor

tempoh pembelajaran bahasa. Kajian juga bermatlamat meninjau tempoh terbaik bagi penguasaan kosa kata bahasa Arab.

Populasi kajian terdiri daripada 520 orang pelajar yang bakal mengikuti pengajian di peringkat pengajian tinggi. Sampel kajian seramai 227 melepasi had yang ditentukan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Pemilihan sampel dibuat menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

Satu set soal selidik dan ujian pengukuran saiz kosa kata bahasa Arab - aVLT (berdasarkan format Vocabulary Level Test – VLT digunakan. Set soal selidik ini mengandungi beberapa soalan berkaitan maklumat demografi responden khususnya berkaitan maklumat mula belajar dan tempoh pembelajaran bahasa. Ujian Saiz Kosa Kata (aVLT) direka bentuk menggunakan format Vocabulary Level Test (VLT) oleh Nation (1983, 1990) dipilih sebagai instrumen dalam kajian ini kerana ia telah terbukti sebagai salah satu alat yang berkesan digunakan bagi tujuan diagnostik untuk mengukur saiz kosa kata individu khususnya bagi penutur bukan jati (Read, 2001). Ia juga dianggap sebagai alat yang paling hampir dengan piawaian pengukuran saiz kosa kata (Meara, 1996). SPSS V.20 digunakan bagi analisis data dan Ujian Korelasi Spearman rho ditadbir bagi menguji hubungan antara saiz kosa kata dengan tempoh pembelajaran bahasa.

Kesahan muka (face validity) dan kesahan kandungan (content validity) bagi instrumen kajian ini dilakukan oleh sekumpulan pakar yang terdiri daripada lima orang. Ia dijalankan bagi mengukur nilai sebenar yang ingin diukur (kesahan muka) dan sejauh mana pengukuran dibina dapat mewakili aspek kandungan yang ingin diukur (kesahan kandungan).

6.0 **Dapatan Kajian**

6.1 **Hubungan antara Saiz Kosa Kata dan Tempoh Pembelajaran Bahasa**

Dapatan kajian membuktikan bahawa saiz kosa kata (SKK) pelajar berkorelasi secara signifikan dengan tempoh belajar bahasa Arab. Manakala tempoh pembelajaran bahasa pula berkait rapat dengan beberapa faktor lain seperti jenis sekolah di peringkat menengah, sijil lepas menengah diduduki dan keberadaan di negara Arab yang telah dibincangkan sebelum ini.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hubungan di antara SKK dengan tempoh belajar pelajar adalah signifikan dan arah positif dalam dapatan kajian memberikan petunjuk bahawa semakin lama tempoh pembelajaran bahasa Arab maka semakin besar SKK bahasa Arab yang dikuasai pelajar. Dapatan ini menjawab objektif kajian yang pertama.

Jadual 2: Hubungan SKK Dengan Tempoh Pembelajaran Bahasa

Correlations

	SKK_Keseluruhan	Tempoh_belajar_Arab
Correlation Coefficient	1.000	.193**
SKK_Keseluruhan Sig. (2-tailed)	.	.004
N	227	224
Spearman's rho		
Correlation Coefficient	.193**	1.000
Tempoh_belajar_Arab Sig. (2-tailed)	.004	.
N	224	224


** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Ujian Korelasi Spearman rho ditadbir bagi menguji hubungan antara saiz kosa kata dengan tempoh pembelajaran bahasa. Hasil ujian menunjukkan nilai $r=0.193$, $n=227$, $p=0.004$. Hasil ujian ini menolak H_0 kerana nilai $p<0.05$. Dapatan ini menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara saiz kosa kata pelajar dengan tempoh pembelajaran bahasa. Hubungan antara saiz kosa kata pelajar dan tempoh pembelajaran bahasa berada pada tahap lemah namun terarah secara positif. Ia menjelaskan apabila tempoh pembelajaran bahasa meningkat, saiz kosa kata pelajar juga diramal turut meningkat. Dengan kata lain, semakin lama tempoh yang diperuntukkan untuk pembelajaran bahasa Arab, maka semakin banyak perkataan bakal dikuasai pelajar.

6.2 Tempoh Pembelajaran Bahasa Yang Efektif

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, sungguhpun Bahasa Arab ditawarkan sebagai bahasa asing di peringkat sekolah, namun peluang mempelajarinya terbuka seawal pendidikan di peringkat prasekolah lagi. Pelajar mempunyai pilihan untuk mempelajari bahasa Arab di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan peringkat menengah. Graf berikut menunjukkan bilangan pelajar yang memulakan pembelajaran bahasa Arab secara formal berdasarkan kategori usia.

Rajah 1 : Taburan Pelajar Mengikut Usia Mula Belajar Bahasa Arab



Berdasarkan rajah di atas, seramai 81 orang pelajar (35.7%) daripada responden kajian memulakan pembelajaran pada kategori usia 13 – 15 tahun. Jumlah ini diikuti oleh kategori usia tujuh hingga sembilan tahun dengan 75 orang pelajar (33%), kategori empat hingga enam tahun dengan 39 pelajar (17.2%), kategori usia 10 – 12 tahun seramai 17 orang pelajar (7.5%), kategori usia 16 – 17 tahun seramai 8 orang (3.5%) dan kategori usia 18-20 tahun seramai 7 orang pelajar (3.1%). Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar memulakan pembelajaran bahasa Arab secara formal di peringkat rendah (usia tujuh hingga sembilan tahun) dan permulaan pembelajaran di peringkat menengah (13 – 15 tahun). Dapatan ini secara umumnya menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar yang memilih dan mengikuti jurusan pengajian Islam dan bahasa Arab telah mendapat pendedahan awal dan mempelajari bahasa Arab secara formal semenjak di peringkat prasekolah, sekolah rendah atau sekolah menengah (rendah). Hanya 6.6% sahaja pelajar yang didapati memulakan pembelajaran bahasa Arab selepas peringkat-peringkat tersebut.

Penelitian yang dilakukan ke atas data yang diperolehi menunjukkan faktor tempoh mempunyai hubungan dengan saiz kosa kata pelajar. Jadual berikut menunjukkan tempoh pembelajaran bahasa dalam kalangan responden yang memiliki saiz kosa kata paling tinggi:

Jadual 3: Tempoh Pembelajaran Bahasa Arab Bagi Kelompok Tinggi

ID Responden	Saiz Kosa Kata	Tempoh Belajar Arab	
1	180	3000	6 hingga 8 tahun
2	168	2889	6 hingga 8 tahun
3	29	2722	3 hingga 5 tahun
4	33	2722	3 hingga 5 tahun
5	86	2722	9 hingga 11 tahun

6	175	2611	15 tahun ke atas
7	62	2556	15 tahun ke atas
8	24	2500	12 hingga 14 tahun
9	120	2444	9 hingga 11 tahun
10	20	2389	3 hingga 5 tahun
11	176	2389	12 hingga 14 tahun
12	82	2278	12 hingga 14 tahun
13	13	2167	15 tahun ke atas
14	53	2167	3 hingga 5 tahun
15	88	2167	9 hingga 11 tahun
16	31	2111	12 hingga 14 tahun
17	60	2111	12 hingga 14 tahun
18	99	2111	12 hingga 14 tahun
19	106	2111	12 hingga 14 tahun
20	162	2111	9 hingga 11 tahun
21	172	2111	12 hingga 14 tahun

Penelitian terhadap responden yang memiliki saiz kosa kata paling tinggi menjelaskan bahawa keseluruhan mereka telah mempelajari bahasa Arab melebihi tempoh 3 tahun. Dapatan ini memberikan isyarat bahawa tempoh tiga hingga lima tahun adalah tempoh yang minimum untuk pelajar membangunkan kosa kata pelajar. Manakala tempoh 12 hingga 14 tahun pula adalah satu tempoh yang relevan dan sangat baik untuk pembangunan dan pengembangan kosa kata khususnya dalam persekitaran bahasa Arab yang sangat terhad seperti di Malaysia. Data juga menunjukkan bahawa tiada seorang pun pelajar dalam kelompok tinggi mempelajari bahasa Arab kurang dari tempoh tiga tahun.

Sekiranya tempoh 12 hingga 14 tahun ini dijadikan piawaian, pelajar yang ingin melanjutkan pengajian dalam bidang pengajian Islam dan bahasa Arab perlulah memulakan pembelajaran bahasa Arab mereka bermula di peringkat sekolah rendah. Ini kerana pendidikan di peringkat rendah mewakili enam tahun pengajian, peringkat menengah mewakili lima tahun pengajian dan peringkat lepasan menengah mewakili satu hingga tiga tahun pengajian dengan keseluruhannya adalah sekitar 12 - 14 tahun. Tempoh ini adalah dalam lingkungan tempoh yang dilaporkan.

Secara kesimpulannya, dapatan ini menjelaskan bahawa pelajar yang mendapat skor tinggi telah melalui tempoh pembelajaran bahasa yang panjang. Walaupun usia mula belajar tidak dapat dipastikan hubungannya dengan saiz kosa kata pelajar, namun pelajar yang mempelajari bahasa Arab dalam tempoh yang panjang kebanyakannya bermula di usia muda.

Tanggapan masyarakat umum yang mengaitkan kelemahan menguasai bahasa Arab dengan tahun pengajian berkemungkinan terbina tanpa asas. Kenyataan “belajar bahasa Arab selama 12 tahun namun masih tidak mampu menguasai bahasa tersebut” merupakan persepsi yang kurang tepat dan hanya meletakkan masalah di bahu pelajar semata-mata. Tidak semua pelajar yang mempelajari bahasa Arab melengkapkan tempoh pembelajarannya selama 12 tahun dan ke atas secara berterusan. Dapatan kajian ini mendapati hanya 33.6 % sahaja daripada sampel kajian yang mempelajari bahasa Arab melebihi tempoh tersebut. Manakala majoriti pelajar mempelajari bahasa Arab kurang daripada tempoh tersebut samada secara berterusan ataupun tidak.

7.0 Penutup

Secara kesimpulannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa SKK pelajar berkorelasi secara signifikan dengan tempoh belajar bahasa Arab. Walaupun kajian ini tidak dapat membuktikan hubungan antara usia mula belajar dengan saiz kosa kata mereka, namun ia jelas mempunyai hubungan dengan faktor tempoh. Tempoh pembelajaran bahasa pula berkait rapat dengan beberapa faktor lain seperti jenis sekolah di peringkat menengah, sijil lepas menengah diduduki dan keberadaan di negara Arab. Faktor tempoh bukan satu-satunya faktor yang mempengaruhi saiz kosa kata pelajar.

Kajian akan datang disaran untuk memberikan tumpuan kepada aspek yang tidak dapat disentuh oleh kajian ini. Tempoh pembelajaran bahasa Arab secara formal juga perlu dilihat dengan lebih terperinci kerana ia memberi kesan dari sudut tempoh mempelajarinya secara semuka. Jenis sekolah khususnya di peringkat menengah diramal mempunyai hubungan dan kesan kepada saiz kosa kata pelajar kerana jenis sekolah yang dipilih memberi refleksi kepada jam pertemuan dan pembelajaran bahasa mereka.

Rujukan

Abdul Razif Zaini, Noor Shamshinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Mohd Redzaudin Ghazali & Mohd. Rufian ISmail. (2019). Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia: Permasalahan Dan Cabaran, *Jurnal Pengajian Islam*, 2019, Bilangan 12, Isu 1, Halaman 47-57.

Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2010). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan-Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Batu Caves, Selangor: PTS Professional Publishing SDN. BHD.

Barnett, W.S., & Lamy, C.E. (2006). *Estimated Impacts of Number of Years of Preschool Attendance on Vocabulary, Literacy and Math skills at Kindergarten Entry*. National Institute for Early Education Research. Dipetik dari [http://nieer.org/resources/research/estimated impacts. pdf](http://nieer.org/resources/research/estimated%20impacts.pdf) (02/11/2014)

Blazer, C. & Romanik, D. (2007). *Individual Differences in Vocabulary Acquisition*. Information Capsule Research Services, Vol 0702, <http://drs.dadeschools.net/InformationCapsules/IC0702.pdf> (10/07/2012)

Burstall, C., Jamieson, M., Cohen, S., & Hargreaves, M. (1974). *Primary French in the Balance*. Windsor: NFER Publishing Company

Collier, VP. (1988). The Effect Of Age Acquisition Of A Second Language For School, New Focus. The National Clearinghouse for Bilingual Education. No 2, Winter 1987-1988. Dipetik dari www.eric.ed.gov/PDFS/ED296580.pdf (30/03/2011)

Ellis, R. (1994). *The Study of Second Language Acquisition*, Oxford: Oxford University Press.

Ervin-Tripp, Susan M. (1974). Is Second Language Learning Like The First. *TESOL Quarterly*, Vol. 8, No. 2, ms 111-127. Dipetik dari people.ucsc.edu/~ktellez/Ervin-tripp.pdf (12/7/2013).

Kaufmann, S. (2019). How Long It Take to Learn Language, Dipetik dari *The Linguist*, <https://blog.thelinguist.com/2019/12/10/how-long-should-it-take-to-learn-a-language/> (31/03/2020)

Lightbown Patsy M. & Spada, N. (2011), *How Languages Are Learned*, 3rd edn, China: Oxford University Press.

MacIntyre, Peter D., Baker, Susan C., Clement, Richard., & Donovan, Leslie A. (2003). Sex and Age Effects on Willingness to Communicate, Anxiety, Percieved Competence and L2 Motivation Among Junior High School French Immersion Students. In Dornyei, Z., *Attitudes, Orientatioans and Motivations in Language Learning: Advances in Theory, Research and Applications* (pp. 137-165). USA: Blackwell Publishing.

Meara, PM. (1996). The Dimensions of Lexical Competence. This paper first appeared in: G Brown, K Malmkjaer & J Williams (eds.) *Performance and Competence in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press. 35-53. [Versi elektronik]

Murphy, E. (t.t), The Relationship of Starting Time and Cumulative Time to Second Language Acquisition and Proficiency, Dipetik dari www.mun.ca/educ/faculty/mwatch/win21/murphy.htm (21/10/2014).

Nation, I.S.P. (1983). Learning Vocabulary. *New Zealand Language Teacher* 9, 1: 10-11.

Nation, I.S.P. (1990). *Teaching and Learning Vocabulary*, New York: Newbury House.

Pujol, I.M. (2008). The Influence Of Age On Vocabulary Acquisition in English as Foreign Language, *Universitat de Barcelona*.

Read, J. (2001). *Assesing Vocabulary*. Eds. Alderson, J.C. & Bachman, L.F. Cambridge University Press: United Kingdom.

Singleton, D. M. (1989). *Language Acquisition The Age Factor*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.

Singleton, D. (2001). Age and Second Language Acquisition. *Annual Review of Applied Linguistics*, 21, 77-89. doi:10.1017/S0267190501000058

Stolarova, M., Briemann, A. A., Wolf, C., Rinker, T., Burke, T., & Baayen, H. (2016). Early Vocabulary in Relation to Gender, Bilingualism, Type, and Duration of Childcare. *Advances in cognitive psychology*, 12(3), 130–144. <https://doi.org/10.5709/acp-0192-6>.

Tellier, A (2019). Primary French in the Balance – the ‘Nuffield’ Pilot. RiPL Summary of Burstall, C., Jamieson, M., Cohen, S., & Hargreaves, M. (1974), Burstall, C. (1970, 1995)